

19/12/1997

Tubuh Mitik kawal selia IT

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan penubuhan satu badan induk di sektor awam bagi menggubal visi dan strategi bersepadu untuk pembangunan teknologi maklumat (IT) di kalangan agensi kerajaan.

Sambil mencadangkan badan itu dinamakan Majlis IT dan Internet Kerajaan (Mitik), Perdana Menteri berkata, penubuhannya akan membolehkan pembangunan IT di negara ini mempunyai struktur pengurusan yang lebih lengkap.

Menurutnya, Mitik akan menjadi mekanisme utama yang bertanggungjawab membuat susulan terhadap pelaksanaan dasar dan strategi IT negara serta membudayakan penggunaannya dalam sektor awam.

"Apa yang penting, badan induk itu boleh merancang dan menentukan pelaksanaan langkah keselamatan dan penggunaan standard yang sesuai, selain mengawal selia pengembangan dan penggunaan Internet di sektor awam.

"Ini kerana pendedahan terbukanya dan kita sudah bersetuju untuk tidak mengadakan apa-apa dasar bagi menapis dari segi kandungan bahan yang disiarkan melaluinya," katanya pada Majlis Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan Simposium Kebangsaan Kerajaan Elektronik di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Sehubungan itu, beliau berharap Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu), selaku agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap pembangunan IT di sektor awam, dapat meneliti cadangan pelaksanaan Mitik itu.

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Pengarah Mampu, Datuk Dr Muhammad Rais Abdul Karim.

Sebelum ini, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) sudah ditubuhkan bagi menggubal dasar dan strategi penggalakan industri IT, terutama di kalangan sektor swasta.

Justeru, selaras dengan pelaksanaan Kerajaan Elektronik, Perdana Menteri turut menetapkan setiap anggota perkhidmatan awam, dari peringkat yang paling tinggi kepada bawahan perlu mempunyai kefahaman secukupnya mengenai IT dan berupaya mengguna pakai teknologi berkenaan dengan cekap.

Menurutnya, sebagai permulaan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) sudah menyediakan satu program latihan menyeluruh dengan 130,000 pegawai dan kakitangan kerajaan akan diberikan latihan mengikut kesesuaian tahap jawatan sehingga tahun 2000.

"Selain itu, kerajaan juga mahukan rakyat negara ini terbabit sepenuhnya dalam pembangunan IT ini," katanya.

(END)